

# Amalan Kecerdasan Emosi Sebagai Pendorong Kecemerlangan Sahsia Pelajar Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)

Anita Abdul Rani, Aini Ahmad dan Haslinda Hashim  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBSMK)  
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)  
Karung Berkunci 12,  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477  
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>  
anita@kuktem.edu.my, aini@kuktem.edu.my, haslinda@kuktem.edu.my

**Abstrak:** Kemahiran Teknikal pelajar dan Kemahiran *Soft Skills* semakin dipandang penting hari ini. Pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidangnya akan bertambah cemerlang jika dia mempunyai kemahiran *Soft Skills* yang tinggi. Di antara elemen yang ditekankan di KUKTEM adalah nilai-nilai positif dan kemahiran berkomunikasi. Kecerdasan Emosi dilihat sebagai satu pendorong kepada kecemerlangan sahsiah pelajar kerana Kecerdasan Emosi memberikan ruang kepada pelajar untuk mengenali sifat dan sikap mereka serta menyumbang kepada kestabilan berfikir secara objektif di dalam situasi yang memberi tekanan. Sebagai pelajar yang bakal menjadi graduan, mereka perlu mengenal diri sendiri sebagai langkah-langkah untuk menjadi pekerja yang baik. Elemen nilai-nilai positif di dalam pelaksanaan *Soft Skills* di KUKTEM mengutamakan Kecerdasan Emosi agar para pelajar dapat mengenali diri mereka sendiri dan juga mudah menyesuaikan diri apabila mereka melangkah lebih jauh ke alam pekerjaan. Kecerdasan Emosi atau lebih dikenali dengan '*Emotional Intelligence*' merujuk kepada memahami emosi sendiri (*self awareness*), memotivasikandiri (*self motivation*), mengendalikan hubungan silaturrahim dengan orang lain (*managing relationship*), empati (*empathy*) dan kebolehan mengendalikan emosi (*mood management*). Melalui pemahaman yang jitu terhadap *Emotional Intelligence* dan mengaplikasikan pengertian ini secara amalan di dalam kehidupan seharian, pelajar akan berjaya memartabatkan dirinya bukan sahaja di dalam bidangnya malah secara global di mata masyarakat.

**Katakunci:** *Soft Skills*, Kecerdasan Emosi.

## 1. PENDAHULUAN

*Dalam pendekatan kita untuk membentuk dan melahirkan graduan dan tenaga manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan sistem nilai yang baik dan bermanfaat. Sistem nilai yang baik dan bermanfaat tidak boleh bercanggah dengan syariah serta tidak boleh bersifat paksaan kepada nilai baik yang diamalkan oleh masyarakat yang lain. Dalam hubungan ini, saya ingin menyarankan bahawa jika pendekatan ini dapat dilaksanakan, ia bakal mengukuhkan lagi keyakinan dan persefahaman antara masyarakat majmuk yang terdapat di negara kita. Nilai ini amat penting supaya generasi muda memiliki adap yang tinggi, bersifat terbuka dan bersedia untuk belajar daripada orang lain serta sentiasa peka terhadap perkara-perkara yang sensitif. Pendekatan sedemikian dapat memberi asas nilai yang terpuji bagi membentuk generasi pelajar berilmu, berketrampilan, beramanah, adil dan tinggi nilai budi pekerti.*

**(Titah Ucapan DYMM Tuanku Raja Perlis Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM, 3 Mac 2005)**

***SOFT SKILLS* DI KUKTEM**

Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) ditubuhkan pada 2002 dengan bidang fokus yang memberikan tumpuan kepada pembinaan aspek teknikal dan kejuruteraan. Struktur kurikulum KUKTEM memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan teknikal dan pengaplikasian teknologi terkini, kemahiran teknikal seperti memasang peralatan mesin dan juga aspek kemahiran keinsanan. Komponen kemahiran keinsanan atau *Soft Skills* ini mendapat penekanan yang serius kerana pengetahuan dan kemahiran teknikal sahaja telah didapati tidak mencukupi untuk melahirkan graduan yang berdaya saing. Elemen-elemen kemahiran keinsanan seperti kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi, analitikal dan sebagainya merupakan keunikan latihan kepada graduan KUKTEM.

Program *Soft Skills* di KUKTEM bukan hanya merupakan program aktiviti semata-mata malah ia dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam dua tahap iaitu UHS1011 untuk tahap 1 dan UHS2011 untuk tahap 2. Bentuk aktiviti pula tidaklah hanya terbatas kepada di dalam bilik atau dewan kuliah seperti syarahan, tutorial, ceramah, bengkel, dan seminar tetapi juga meliputi aktiviti di luar seperti projek amal atau kemasyarakatan, perkhemahan, persatuan, kelab, badan beruniform dan sebagainya. Dengan kata lain, pelaksanaan program *Soft Skills* diintegrasikan dalam semua matapelajaran dan semua aktiviti pelajar.

Penilaian pencapaian pelajar diukur menggunakan konsep trampil. Ini bermaksud, pelajar yang telah memenuhi semua aspek penilaian menunjukkan mereka telah trampil (Trampilan-KY). Manakala pelajar yang belum memenuhi aspek ketrampilan menunjukkan mereka masih belum trampil (Tidak Trampil-KT). Ketrampilan pelajar akan dinilai berdasarkan nilai mata terkumpul sepanjang tempoh penilaian dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- a) KY (Trampil Cemerlang) bagi pelajar yang melengkapinya semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan melepasi tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.
- b) KY (Trampil Baik) bagi pelajar yang melengkapinya semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul, dan
- c) KT (Tidak Trampil) bagi pelajar yang tidak memenuhi semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan gagal mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.

Penilaian dan keputusan akhir *Soft Skills* seseorang pelajar sama ada KY (Trampil Cemerlang), KY (Trampil Baik) atau KT (Tidak Trampil) akan direkodkan secara rasmi

oleh para penilai mengikut kapasiti dan autoriti masing-masing ke dalam satu sistem pengurusan penilaian integrasi berkomputer atau *Integrated Management System (IMS)*. Setiap keputusan pelajar yang telah direkodkan ini akan tersimpan di dalam sistem pelajar itu sendiri dan ianya juga boleh dirujuk oleh Penasihat Akademik serta Dekan setiap fakulti.

## **2. KECERDASAN EMOSI (*EMOTIONAL INTELLIGENCE*)**


Pengaruh emosi amat besar dalam mewarnai hubungan sesama manusia. Emosi meliputi berbagai perasaan seperti gembira, marah, takut, bimbang, kecewa, sedih, malu, sayang dan sebagainya. Kelangsungan hidup manusia juga adalah dipengaruhi oleh kewujudan emosi yang menentukan tingkahlaku manusia.

Kecerdasan emosi adalah berkaitan kemampuan mengawal emosi biasanya dalam persekitaran sosial. Berikut adalah beberapa definisi kecerdasan emosi:

*"is a type of social intelligence that involves the ability to monitor one's own and others' emotions, to discriminate among them, and to use the information to guide one's thinking and actions" (Mayer & Salovey, 1993: 433).*

Bar-On (2002) mendefinisikan model *emotional intelligence (EI)*nya sebagai satu keupayaan yang berkaitan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran persekitarannya dengan berkesan. Ia juga dikenali dengan model adaptasi. Model ini merangkumi (1) kemampuan memahami diri sendiri dan menyuarakannya, (2) kemampuan menyedari, memahami dan menghubungkannya dengan orang lain, (3) kemampuan menghadapi tekanan emosi dan (4) kemampuan menerima perubahan, menyelesaikan masalah yang berkaitan diri dan persekitaran sosial.

Terdapat banyak bukti-bukti yang menunjukkan *EI* boleh dibina tetapi yang paling menarik adalah dari satu kajian longitudinal yang dijalankan di Weatherhead School of Management at Case Western Reserve University (Boyatzis, Cowan, & Kolb, 1995). Dalam kajian ini, pelajar diminta menghadiri kursus tentang membina keyakinan diri. Pelajar akan mengakses tahap kompetensi *EI* mereka dan dalam masa yang sama juga memilih untuk memperbaiki mana-mana kompetensi *EI*. Mereka akan membangunkan serta melaksanakan rancangan pembelajaran tersendiri untuk memperbaiki tahap kompetensi *EI* mereka. Assessment secara objektif dibuat untuk mengenalpasti samada kompetensi *EI* boleh dibina. Keputusan kajian ini menunjukkan kompetensi *EI* boleh dibangunkan dan lebih menarik lagi, pembentukan kompetensi ini boleh berkekalan dalam tempoh yang lama.



Boyatzis, Cowan, & Kolb (1995)

Hubungan Kecerdasan Emosi dan elemen *Soft Skills* di KUKTEM adalah berkait rapat. Empat elemen *Soft Skills* mempunyai hubungan terus dengan lima unsur Kecerdasan Emosi. Jadual berikut menunjukkan kaitan semua elemen yang disebutkan dengan program *Soft Skills* yang dilaksanakan di KUKTEM.

	VALUE	TEAM-WORKING	COMMUNICATION	LEADERSHIP	LEARNING CAPABILITY
SELF AWARENESS	√	√	√	√	
SELF MOTIVATION	√	√	√	√	√
MANAGING RELATIONSHIP	√	√	√	√	
EMPATHY	√	√	√	√	
MOOD MANAGEMENT	√	√	√	√	

Hubungan EI dan Elemen *Soft Skills*

### 3. PERKAITAN KECERDASAN EMOSI DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Sebagai seorang pelajar, amatlah penting mereka mampu mengembangkan Kecerdasan Emosi ini. Pelbagai faedah yang dapat dimanfaatkan dalam hubungan mereka dengan orang lain sehinggalah cara mereka mengendalikan perasaan sendiri. Elemen-elemen yang ditekankan dalam Kecerdasan Emosi ini adalah seperti berikut:

#### 1. MEMAHAMI EMOSI SENDIRI (*SELF AWARENESS*)

Memahami emosi sendiri menekankan pengetahuan yang mendalam mengenai emosi sendiri, kekuatan, kelemahan, kehendak dan keperluan-keperluan nalurnya. Pelajar yang dapat mengenalpasti emosinya sebaik sahaja muncul 'satu perasaan' dalam dirinya adalah kunci kepada Kecerdasan Emosi. Seseorang yang mengenali dirinya dan

memahami dengan jelas perasaannya akan dapat mengawal tingkahlakunya dan menentukan hidupnya dengan lebih baik.

Dari segi aplikasi dalam kehidupan pelajar, keupayaan memahami emosi sendiri akan menjadikan mereka lebih berkeyakinan dalam membuat keputusan. Banyak keputusan yang dipengaruhi emosi negatif menjadi penyebab kerosakan hubungan dengan orang lain seperti enggan mendengar penjelasan sebenar, tidak berfikir sebelum bertindak dan sebagainya.

Konsep diri seseorang menjadi asas kepada personalitinya secara keseluruhan dan mempengaruhi kebanyakan tingkahlaku. Setiap orang biasanya mahu merasakan dirinya baik dan mahu 'dipandang' baik. Walaupun begitu, interpretasi orang lain adalah berbeza-beza. Memandang diri sendiri dengan penuh 'kebaikan' juga boleh menimbulkan masalah. Bayangkan seorang pelajar yang melihat dirinya semua betul, pastinya akan menyebabkan sahabat lain benci. Konsep mengenali diri yang dimaksudkan adalah dapat mengenalpasti emosi yang sepatutnya dikawal dan menentukan emosi yang betul dizahirkan pada masa dan keadaan yang sepatutnya.

Adalah amat perlu bagi pelajar memahami dirinya dan terdapat berbagai kaedah dalam meningkatkan kefahaman terhadap emosi sendiri. Diantara yang terpenting ialah mengakui kelemahan diri. Tidak salah merasa bagus terhadap diri sendiri tetapi tidak sepatutnya sentiasa meletakkan kesalahan kepada orang lain dan kebaikan atau kejayaan kepada diri sendiri. Mementingkan diri sendiri serta merasakan orang lain patut berubah dan diri sendiri tidak perlu adalah merbahaya. Selain itu, kecenderungan untuk mencari alasan lain bagi kesilapan yang berpunca dari diri sendiri juga akan mendatangkan masalah. Kemampuan mendengar diri sendiri berfikir adalah kunci memahami emosi sendiri.

## **2. MEMOTIVASIKAN DIRI (*SELF MOTIVATION*)**

Motivasi diketahui umum sebagai alat mengubah pemikiran dan tindak tanduk seseorang. Apakah kuasa yang ada padanya? Sehingga orang yang lemah menjadi bersemangat, orang yang gagal mampu bangun kembali bahkan orang yang sakit boleh sembuh. Sebenarnya motivasi adalah pendorong manusia mengubah sikap maupun emosi negatif manusia menjadi lebih baik.

Kata Socrates, '*Know Thyself*' atau 'Kenali dirimu'<sup>1</sup> merupakan titik permulaan bagi manusia meneroka potensi diri masing-masing. Pelajar yang dapat meneroka dirinya sendiri akan mampu memperbaiki kelemahan diri dan menyemai sikap-sikap

---

<sup>1</sup> Abdul Rahman Aziz, *Motivasi dan Pembangunan Diri*, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hal.35

positif yang perlu ada dalam dirinya. Usaha membangunkan diri inilah merupakan motivasi yang paling penting pada setiap pelajar.

Pelajar merupakan golongan yang amat memerlukan motivasi kerana di dalam mengejar cita-cita mereka pelbagai ujian dan kesusahan yang datang. Ada masanya pelajar akan mengalami masalah di dalam pelajaran, diganggu masalah keluarga maupun terlibat di dalam masalah dengan rakan yang lain. Tidak kurang juga ada yang dibelenggu dengan masalah dalaman seperti malas, tidak mahu berusaha, cepat berputus asa dan tidak bersemangat. Di sinilah pelajar harus mencari apakah yang boleh meningkatkan motivasinya. Ada yang memilih berkawan dengan orang yang berjaya atau yang rajin, mendapatkan nasihat pensyarah, menelefon ibu setiap hari, membaca buku dan sebagainya. Oleh itu pelajar yang pandai memotivasikan dirinya sendiri merupakan pelajar yang tinggi Kecerdasan Emosinya.

Motivasi yang tinggi menjadi faktor utama kecemerlangan pelajar. Antara sifat-sifat yang ada pada pelajar yang tinggi motivasinya dari sudut Kecerdasan Emosi ini adalah seperti:

- a. Mengamalkan nilai-nilai positif agama sebaik mungkin
- b. Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab tanpa kelalaian
- c. Mengutamakan kecemerlangan di dalam setiap tugasannya
- d. Mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menerima orang lain dan mampu menjalinkan hubungan yang sihat dengan orang lain
- e. Menghadapi ujian dan kegagalan dengan tabah
- f. Mementingkan masa depan
- g. Mampu menyelesaikan masalah

Kejayaan di dalam pelajaran sebenarnya banyak bergantung kepada sikap pelajar itu sendiri. Adalah amat merugikan apabila pelajar mengetahui kelemahan diri tetapi tidak berusaha untuk memperbaikinya. Akibatnya pelajar akan ketinggalan di dalam pelajaran ataupun aktiviti lain. Pasti pelajar yang tidak mahu memotivasikan diri akan kerugian sama ada untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran maupun di dalam meningkatkan sahsiah diri.

### **3. MENGENDALIKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM DENGAN ORANG LAIN (*MANAGING RELATIONSHIP*)**

Berhubung dan berinteraksi adalah satu keperluan bagi setiap manusia. Pelbagai macam sifat interaksi, ada yang bersifat autokratik maupun demokratik. Bagi seorang pemimpin mungkin kedua-dua sifat ini perlu dipakai mengikut suasana. Manusia perlu sedar bahawa dalam berinteraksi ini penilaian akan terjadi sama ada hasilnya baik atau buruk. Pelbagai andaian akan dibuat dan segala-galanya bergantung pada cara manusia berinteraksi.

Kemahiran berhubung dan berinteraksi boleh dipelajari. Dengan menggabungkan kaedah motivasi dan kemahiran memahami orang lain, hubungan silaturrahim dapat dimanfaatkan sebaiknya. Tidak kurang juga pelajar yang banyak berhubung dengan sahabat maupun pensyarah. Contohnya dalam situasi kerja berkumpulan, pelajar yang tidak pandai bergaul akan hanya mendatangkan masalah kepada ahli kumpulan yang lain. Kerja mungkin akan tergendala atau perbincangan sukar dijalankan. Pasti seorang pelajar yang pandai berinteraksi dan mudah bergaul sentiasa disenangi oleh sahabat.

Di dalam amalan Kecerdasan Emosi ini, antara cara yang boleh diamalkan pelajar adalah mengamalkan sikap mengambil hati dan menyukakan hati orang lain dan diri sendiri seperti berikut:

- a. Beramah mesra dan bermanis muka
- b. Berbudi bahasa dan merendah diri
- c. Menghargai seseorang maupun pemberiannya
- d. Memberi pengiktirafan atas kebaikan seseorang dan menggalakkannya
- e. Bertanyakan pendapat sebagai satu penghormatan pada orang lain
- f. Berpandangan dan bersikap positif terhadap orang lain.
- g. Mengakui kesilapan dan memohon maaf atasnya

Di dalam menjamin keharmonian pembelajaran, pelajar tidak boleh bersikap mementingkan diri sendiri. Mereka harus berusaha menguatkan hubungan persaudaraan. Kebolehan menjalin hubungan yang sihat ini akan memberi impak positif pada pelajar dan orang disekelilingnya. Lebih-lebih lagi pembinaan hubungan yang baik ini akan memberikan kebahagiaan emosi kepada pelajar.

#### **4. EMPATI (*EMPATHY*)**

Mengapakah Empati itu penting?

Empati dalam konteks Kecerdasan Emosi pula adalah memiliki kemahiran memahami dan mendengar dan keupayaan untuk membaca emosi orang lain, begitu juga dengan emosi sendiri. Kemudiannya ia disusuli dengan mengambil tindakan mengikut kesesuaian situasi. Mempunyai kemahiran untuk bekerjasama, percaya di dalam perhubungan dan juga berupaya untuk berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain akan membuatkan pelajar merasa lebih gembira di dalam kehidupan.

Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja akan membuatkan pelajar lebih berjaya di dalam kehidupan malah mereka juga akan mula merasa empati terhadap diri sendiri dan juga pada orang lain. Hubungan peribadi bersama orang lain terutamanya bersama sahabat akan diperbaiki secara menyeluruh. Pelajar akan menjadi lebih prihatin kepada kehendak orang lain dan berusaha untuk memahami situasi mereka.

Empati juga merupakan motivasi kepada pelajar untuk merasa gembira apabila berjaya membuatkan orang lain bahagia dan merasa bahagia kerana berjaya

menggembirakan orang lain. Dalam situasi yang memerlukan pelajar empati terhadap masalah dan kehendak sahabatnya, mereka akan menjadi lebih positif dalam usaha membantu dan turut sama menyelesaikannya.

Pelajar yang mempunyai Kecerdasan Emosi yang tinggi akan sentiasa berempati untuk mengurangkan jarak di dalam hubungannya dengan sesiapa sahaja. Mereka juga akan menerima rasa empati ini dengan penuh penghargaan kerana setiap manusia memerlukan rakan untuk mendengar dalam apa jua situasi. Dengan itu, pelajar akan sentiasa merasa tenang dan gembira kerana berjaya menjalinkan hubungan yang stabil dan berupaya untuk memahami kehendak dan citarasa orang lain. Tindakan yang matang ini bermula dengan kemahiran empati.

*“Strangers can improve their empathic accuracy by acting more like friends by becoming better acquainted with each other, and by seeking a lot of feedback about each other’s actual thoughts and feelings,”*  
(Flurry and Ickes, 120)

## **5. KEBOLEHAN MENGENDALIKAN EMOSI (*MOOD MANAGEMENT*)**

Kebolehan mengendalikan emosi juga merupakan antara kemahiran yang menjadi tunggak utama pelajar cemerlang. Seringkali pelajar menghadapi masalah yang mengutamakan emosi di dalam setiap situasi. Di sinilah kemahiran mengendalikan emosi amat berfaedah kepada pelajar agar mereka dapat memahami diri mereka secara menyeluruh dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kemahiran mengendalikan emosi boleh dijadikan kekuatan kepada pelajar untuk berdepan dengan apa jua masalah terutamanya di dalam interaksi bersama rakan-rakan. Contoh situasi ialah apabila pelajar diberikan tugas yang banyak dan dalam masa yang sama kuiz perlu diambil. Maka pelajar harus pandai meletakkan keutamaan mengikut kepentingan tugas. Dalam contoh yang lain pula, pelajar boleh mengenyepkan perasaan tertekan, cemas dan takut dengan membuat persediaan di awal semester atau mengikut jadual waktu yang dibuat.

Untuk terus memahirkan diri di dalam mengawal emosi, pelajar harus mengenalpasti apakah situasi yang boleh menggembirakan mereka dan cuba menjauhkan diri daripada situasi yang boleh membuatnya merasa tertekan, marah, sedih dan sebagainya. Pelajar harus menstabilkan antara emosi dan tindakan agar mereka berupaya untuk menjadi lebih berjaya di dalam pelajaran. Pelajar juga harus berpandangan positif mengenai emosi sendiri agar kata-kata mereka di dalam komunikasi akan memaparkan nilai intelek yang tinggi.

Pelajar yang mempunyai Kecerdasan Emosi yang tinggi mempunyai keupayaan untuk mengekang api kemarahan dan berjaya mengawal emosi mereka yang mendesak segala perasaan dan perbuatan negatif. Contohnya ialah pelajar yang tertekan akan menyiapkan tugas dalam keadaan yang tergesa-gesa kerana mengejar tarikh akhir



penghantaran. Pelajar yang berupaya melihat tindakan itu sebagai sesuatu yang merugikan sudah semestinya mencari jalan agar tekanan ini dapat dikawal dari mula lagi. Kemahiran ini boleh dipelajari dan akhirnya pelajar akan secara semulajadi menjadi ceria dan tenang di dalam pembelajarannya.

#### **4. PENDEDAHAN MENGENAI *EMOTIONAL INTELLIGENCE* (EI) DI KUKTEM**

Sebagai pelajar kejuruteraan, pelajar KUKTEM haruslah diberikan pendedahan mengenai senario sebenar di alam pekerjaan. Pengaruh EI amatlah besar di dalam suasana pekerjaan. Oleh itu, pihak pelaksana *Soft Skills* di KUKTEM iaitu Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) telah mengambil inisiatif untuk mengendalikan Bengkel *Soft Skills* 2 (UHS2011) iaitu *Soft Skills* di industri pada setiap semester kepada para pelajar dari semua fakulti. Bengkel ini selalunya akan dihadiri oleh pelajar Diploma semester 5 dan pelajar Ijazah semester 7. Seramai 480 pelajar telah mendaftar untuk menghadiri Bengkel *Soft Skills* 2 untuk semester 1 sesi 2005/06 dan 187 pelajar telah mendaftar untuk bengkel yang sama untuk semester dua sesi 2005/06. Tajuk *Emotional Intelligence* telah dilaksanakan secara ceramah selama 3 jam sebagai pendedahan kepada 60 orang pelajar (kumpulan kecil).

Pakar daripada industri akan dipilih untuk memberikan ceramah yang padat dengan teori EI serta contoh-contoh senario sebenar di industri sebagai pendedahan kepada pelajar kejuruteraan. Intipati ceramah tersebut juga telah diperkukuhkan dengan aktiviti *role play* serta para pelajar akan diminta mengisi borang kaji selidik untuk mengenalpasti tahap EI mereka. Para pelajar diminta melakonkan watak-watak di industri iaitu apabila mereka sudah bekerja sebagai jurutera dan juga mengambil peranan sebagai pekerja yang mempunyai EI yang tinggi dan juga rendah. Perbandingan kedua-dua watak ini akan memberikan gambaran kepada pelajar bahawa EI amat penting di dalam membangunkan diri mereka. Setiap pelajar juga akan dianalisa melalui dapatan daripada borang kaji selidik supaya mereka mempunyai pengetahuan serta kesedaran tentang kemahiran menguasai EI di dalam kehidupan seharian. Pelajar juga diminta menjawab kuiz tentang aplikasi EI di dalam kehidupan seharian mereka samada di kampus mahupun ketika mereka berada di rumah masing-masing. Pemahaman yang tepat mengenai EI telah dapat dibuktikan daripada jawapan pelajar di dalam kuiz yang diberikan. Kelima-lima domain di dalam teori EI telah dianalisa oleh para pelajar dan mereka sendiri sedia maklum telah memberikan pendapat mengapa EI ini penting di dalam kehidupan seharian mereka. Secara keseluruhannya, bengkel UHS2011 telah berjaya mendedahkan kepada para pelajar mengenai banyak elemen *Soft Skills* di industri.

#### **KESIMPULAN**

Adalah diharapkan kemahiran menguasai EI dapat membantu pelajar akan lebih peka kepada kelemahan dan kekuatan diri masing-masing. Untuk membangunkan insan, para pelajar perlu diberikan ruang untuk mengenal potensi diri dan pendedahan mengenai kepentingan EI di alam pekerjaan akan dapat dijadikan sebagai panduan agar mereka

lebih bersedia untuk menjadi jurutera yang berketrampilan. Program *Soft Skills* di KUKTEM cuba membantu membangunkan sahsiah pelajar dan sekaligus sebagai pelengkap kepada pengetahuan teknikal serta pencapaian akademik mereka. EI berkeupayaan untuk membantu pelajar menjadi manusia yang lebih berguna bukan sahaja di alam pekerjaan malah sebagai elemen ke arah pembelajaran berterusan sepanjang hayat.

## **RUJUKAN**

Abdullah, A.B. (2002). *Graduan diminta tingkat kemahiran*. Berita Harian. Dimuat turun dari <http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isuyulyaug02.htm>

Aini Ahmad, Anita Abdul Rani, Haslinda Hashim dan Muhammad Nubli Abd Wahab, *Program Soft Skills Dan Klinik Soft Skills: Konsep Dan Kaedah Pelaksanaan Ke Arah Membentuk Sikap Graduan Berdaya Saing* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial anjuarn UITM di Kuantan, Mei 2006)

Bar-On, R. (2000). *Emotional and social intelligence: Insights from the Emotional Quotient Inventory (EQ-i)*. In R. Bar-On & J.D.A. Parker (Eds.), *Handbook of emotional intelligence* (pp. 363-388). San Francisco: Jossey-Bass.

Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). *Moulding Soft Skills Module for KUKTEM*. Penerbit KUKTEM: Kuantan.

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Pembangunan Sahsia Bersepadu, Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Kejuruteraan Universiti*. (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kursus Sokongan anjuran KUKUM di Langkawi, Nov 2006)

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Konsep Dan Pelaksanaan Soft Skills Di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum anjuran UTM di JB, Jun 2006)

Mahaleel. T. (2002). Seminar Industri IPTA, *Qualities for Graduate Students Required For Work in The Private Sector*. 6 – 7 Ogos 2002, Kuala Lumpur.

Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). *What is emotional intelligence?* In P. Salovey and D. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Implications for Educators* (pp. 3-34). New York, NY: Basic Books.

*Titah Ucapan DYMM Tuanku Raja Perlis Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM, 3 Mac 2005* dimuat turun (6 Ogos 2006) dari [http://portal.kukum.edu.my/pls/portal30/docs/FOLDER/FP\\_CHANCELLOR/TITAH+UCAPAN+TUANKU+\\_PINDAAN\\_.PDF](http://portal.kukum.edu.my/pls/portal30/docs/FOLDER/FP_CHANCELLOR/TITAH+UCAPAN+TUANKU+_PINDAAN_.PDF).